

## **BAB 2 : KAJIAN LITERASI**

### **2.1 Pendahuluan**

Dalam menyempurnakan kajian disertasi ini, beberapa perkara perlu diberi perhatian dan diambil kira. Antara perkara yang diambil kira tersebut ialah kajian literasi. Kajian literasi ini menurut sesetengah istilah adalah kajian-kajian lepas yang pernah dihasilkan sebelum ini.

Setiap penyelidikan yang baik merupakan penyelidikan yang mempunyai rujukan bagi setiap pendapat atau kenyataan yang dikemukakan. Ia menunjukkan penyelidikan tersebut merupakan penyelidikan yang matang serta mempunyai nas atau sumbernya yang sah.

Jika kita merujuk kepada hadis-hadis Rasulullah SAW, hanya hadis-hadis yang mempunyai sumber yang sah sahaja yang diambil kira. Seperti mana yang diketahui umum, hadis adalah sumber kedua selepas Al-Quran. Ia juga dijadikan sebagai sumber perundangan di dalam agama Islam. Sebagai contoh jelas di sini, Allah SWT memerintahkan perintah mendirikan solat ke atas umat Islam, tetapi di sana tiada cara atau kaedah yang diterangkan untuk menjalankan ibadat tersebut.

Justeru di sinilah kita melihat peranan hadis dalam menerangkan amalan melakukan solat. Maka oleh sebab itulah, hadis-hadis yang diamalkan oleh umat Islam ini perlu bersumberkan kepada nas-nas yang muktabar.

Begitu juga dalam setiap penyelidikan atau disertasi yang dijalankan, memerlukan kepada sumber-sumber atau pendapat-pendapat yang jelas dan diyakini kesahihannya. Ini bagi menjadikan sesuatu kajian itu jitu dan kukuh dalam mempertahankan pendapatnya. Dalam Bab 2 : Kajian Literasi ini, penyelidik akan membentangkan beberapa pendapat dan kajian-kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu bagi mengukuhkan tajuk disertasi yang dibuat oleh penyelidik ini.

## **2.2 Keberadaan bahasa**

Menurut pendapat ahli linguist, “Bahasa” menurut istilah bahasa ialah, kalam atau ungkapan batil yang tidak mempunyai apa-apa faedah padanya. Manakala menurut istilahnya, bahasa merupakan suatu perkara yang mempunyai bentuk bunyi atau rumuz khas yang mempunyai makna yang pelbagai. Ianya juga merupakan suatu alat arbitari yang digunakan oleh manusia dalam sesuatu masyarakat atau kelompok untuk berkomunikasi antara satu sama lain ( Ahmad Fuad Ilyan : 2003 ).

Melalui Asmah Hj Omar (1992) , bahasa adalah sistem lambang yang mengaitkan maksud atau fikiran manusia dengan sesuatu perkara yang konkrit ataupun abstrak. Maka oleh kerana itu, ianya dapat difahami dan dimengerti oleh orang lain melalui pengucapannya itu.

Selain daripada itu, jika kita melihat bahasa-bahasa yang terdapat di dunia ini, ia merupakan sesuatu perkara yang sangat unik untuk dilihat secara lebih mendalam. Ini kerana, ianya merupakan suatu alat komunikasi yang digunakan oleh manusia tetapi berlainan bentuk dan gayanya mengikut penutur serta tempat bahasa itu dituturkan.

Setiap bahasa mempunyai kesatuannya yang tersendiri, yang seharusnya dipatuhi oleh setiap penuturnya, contohnya dalam pengucapan sapaan. Meskipun di penutur itu bagus dari segi tatabahasa dan ilmu bahasa tersebut, tetapi jika ianya tidak mengikut kesatuan bahasa yang telah ditetapkan oleh kelompok penutur bahasa tersebut, maka ianya tidak dianggap seorang penutur bahasa yang baik (Ab. Rahman Ab. Rashid et.al. : 1997).

Sungguhpun demikian, ramai ahli bahasa berpendapat bahawa tiada kenyataan rasmi yang mengatakan sejarah bahasa itu dengan lebih terperinci dan hakiki. Ini dapat dilihat pada kenyataan Awang Sariyan (1998), bahawa ahli falsafah atau linguis barat sejak dahulu lagi sehingga kini masih belum dapat memberikan penjelasan yang lebih

terperinci mengenai bahasa. Mereka lebih selesa dengan menyatakan bahasa itu muncul dengan sendirinya tanpa mengaitkan ia dengan konsep-konsep ketuhanan dan fitrah manusia.

Menurut kacamata agama Islam, bahasa ini merupakan suatu makhluk ciptaan Allah SWT yang dianugerahkan kepada Nabi Adam a.s sebelum baginda dturunkan ke bumi. Apabila Nabi Adam a.s perintahkan agar hidup di bumi, maka baginda menggunakan bahasa yang dianugerahinya untuk berkomunikasi dengan ahli keluarganya. Ini dapat dilihat daripada firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 31 ;

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَٰؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾

Maksudnya : Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, Kemudian mengemukakannya kepada para malaikat lalu berfirman: "Sebutkanlah kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu mamang benar orang-orang yang benar!"

Setelah Nabi Adam a.s beranak pinak dan mempunyai keturunannya, maka lahirlah bahasa-bahasa diantara mereka. Ini dapat dilihat melalui ayat daripada surah Al-Hujrat : 13 ;

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اِنَّا خَلَقْنٰكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَّاُنْثٰى وَجَعَلْنٰكُمْ شُعُوْبًا وَّقَبَاۤىِٕلَ لِتَعَارَفُوْۤا ۗ اِنَّ  
اَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللّٰهِ اَتْقٰىكُمْ ۗ اِنَّ اللّٰهَ عَلِيْمٌ حَكِيْمٌ ﴿١٣١﴾

Ertinya : Hai manusia, Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa - bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.

Kedua-dua ayat ini secara langsung menunjukkan kepada kita tentang kedudukan bahasa dalam agama Islam. Bahasa merupakan sesuatu yang mana diperlukan oleh manusia. Ia dapat dibuktikan apabila Allah SWT memerintahkan para malaikat belajar sesuatu sebutan benda itu daripada Nabi Adam a.s. Dengan lahirnya umat manusia yang berbilang-bilang juga, menyebabkan lahirnya bahasa-bahasa baru. Ia seiring dengan bangsa-bangsa yang lahir daripada keturunan manusia pertama, iaitu Nabi Adam a.s.

### **2.3 Keberadaan Bahasa Arab di Malaysia**

Sesungguhnya pembelajaran bahasa Arab di negara Malaysia pada suatu ketika dahulu adalah lebih tertumpu kepada aspek agama dan ibadah yang dijalani oleh penduduk, khususnya masyarakat Melayu pada ketika itu.

Ibadah-ibadah agama seperti mengucapkan dua kalimah syahadah, solat, puasa, zakat dan menunaikan haji adalah dengan menggunakan bahasa Arab sebagai kaedah melaksana dan melakukannya. Tanpa penggunaan bahasa Arab dalam ibadah-ibadah tersebut, ianya tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sebagai contoh, perlakuan solat. Solat menurut Islam adalah beberapa perkataan dan beberapa perbuatan yang dimulai dengan takbir dan disudahi dengan salam, dengan syarat-syarat yang tertentu. Ibadah solat ini hanya sah apabila segala pertuturan yang berlaku dalam perlakuan solat ini, menggunakan bahasa Arab. Jika seseorang individu itu menggunakan bahasa, selain bahasa Arab, maka ibadah solatnya akan terbatal dengan sendirinya. Maka oleh sebab itu, masyarakat Melayu berusaha untuk menguasai bahasa Arab, sekurang-kurangnya untuk tujuan beribadah.

Menurut Wan Hassan Wan Mat (1995), melalui pandangan kacamata umat Islam, mempelajari bahasa Arab merupakan *fardhu ain* bagi satu peringkat tertentu, dan *fardhu kifayah* pada satu peringkat tertentu. Mujahid (dalam Abdullah Tahmin : 1991) berkata, tidak halal bagi seseorang yang beriman kepada Allah dan Hari Kiamat dan membincangkan berkenaan Al-Quran, padahal dia tidak memahami bahasa Al-Quran (bahasa Arab).

Mengikut Haji Dasuki Ahmad (1978), keberadaan orang-orang Arab di Nusantara ini telahpun bermula sejak hijrah yang pertama atau sejak abad ketujuh Masihi lagi, bahkan lebih awal daripada itu. Tokoh-tokoh sejarah terkenal seperti Al-

Tabari dan Al-Masudi pernah memberitahu bahawa adanya kapal-kapal yang berlayar di antara negeri Arab dan negeri China sebelum kelahiran Rasulullah SAW di Tanah Arab.

Slamet Murjana (dalam Asmah Haji Omar : 1988) dipetik, perluasan bahasa Arab di Tanah Melayu hakikatnya berlaku melalui migrasi penutur-penuturnya, yakni orang-orang Arab. Para pedagang dan mubaligh Arab telah datang ke sini pada akhir abad ke-10 Masihi. Misalnya, seorang pengembara Arab yang bernama Abu Dulaf Misa (940) yang dalam perjalanannya ke China telah singgah di Kedah, dan beliau sekali lagi singgah di negeri ini setelah pulang dari negeri China tersebut.

Menurut Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu-jilid 1:1999:389), terdapat bukti-bukti fizikal yang menunjukkan Islam telah bertapak lama di Tanah Melayu, seterusnya membuktikan bahawa Bahasa Arab turut sekali dikembang luaskan bersama-sama agama Islam. Sebagai contoh bukti-bukti ini adalah penemuan Batu Bersurat Terengganu di Sungai Teresat yang bertarikh 22 Februari 1303 bersamaan 4 Rejab 702 Masihi yang bertulisan jawi. Walaupun bertulisan jawi, dan berbahasa Melayu kuno, tetapi sistem penggunaan tulisan tersebut, yang menggunakan kaedah Arab menunjukkan bahawa masyarakat pada ketika itu telah terkesan dengan Bahasa Arab.

Wan Hussain Azmi (1980) dalam Hashim Haji Musa (1999) dipetik, penemuan satu keping wang emas di Kelantan yang tertulis pada salah satu mukanya yang bertarikh 577 Hijrah bersamaan 1161 Masehi dan ianya didapati mempunyai tulisan Arab, iaitu **الْجُوسُ كَلَنْتَن** yang bermaksud “Singgahsana Kelantan”. Manakalan pada muka disebelahnya pula tertulis **الْمَتَوَكِّل** iaitu satu gelaran raja yang bermaksud, “Bertawakal kepada Allah” yang mana ianya sekali gus menunjukkan Islam telah bertapak lama di Semenanjung Tanah Melayu pada waktu tersebut. Ia juga sekali lagi menunjukkan bahawa bahasa Arab turut dilihat memberi kesan pada kehidupan masyarakat Melayu pada ketika itu.

Di sini, penyelidik berpendapat bahawa, sesungguhnya agama Islam telah lama bertapak di Tanah Melayu. Ia dijadikan sebagai agama anutan oleh masyarakat Melayu pada ketika itu. Dengan berkembangnya agama Islam yang dibawa oleh pedagang-pedagang Arab ini, mereka membawa dan mengembang luaskan bahasa Arab kepada masyarakat pada waktu itu. Ini menyebabkan bahasa Arab tidak asing dan dekat dengan masyarakat Melayu, yang sememangnya mempraktikkan ajaran Islam dalam kehidupan mereka. Dengan menjalani kehidupan beragama ini, mereka secara tidak langsung mengguna dan mengaplikasi bahasa Arab ini di dalam amalan harian mereka.



## 2.4 Sekolah dan Pendidikan

Menurut Atan Long (1978), di dalam masa kebelakangan ini, kemajuan ilmu pengetahuan telah berkembang dengan begitu pesat dan pelbagai penemuan telah dihasilkan. Sesetengah penemuan itu kadangkala menyokong penemuan yang dihasilkan sebelumnya, dan ada sesetengahnya yang menafikan. Oleh sebab luasnya bidang pengetahuan itu, seseorang itu dilihat mustahil untuk menguasai semua bidang disiplin ilmu-ilmu yang ada pada masa kini. Maka oleh kerana itulah, tertubuhnya sekolah adalah untuk membantu murid-murid ini cara 'belajar untuk belajar'. Dalam ertikata yang lain, mempelajari bagaimana hendak menyelesaikan masalah yang mereka hadapi dengan cara yang kreatif.

Masyarakat yang bertamadun mewujudkan sekolah adalah untuk memberi peluang kepada generasi untuk menguasai bahagian-bahagian ilmu pengetahuan yang dipilih dan yang difikirkan masyarakat sebagai penting bagi melanjutkan perkembangan masyarakat itu. Dengan sebab itu, sekolah sebagai satu institusi masyarakat adalah bertujuan untuk menggalak dan memperkembangkan perubahan tingkah laku kanak-kanak mengikut arah yang dikehendaki oleh masyarakat.

Sekolah memberikan peluang kepada generasi muda di dalam jangka masa pendek untuk mempelajari berbagai-bagai perkara yang mungkin memakan masa seumur hidup mempelajarinya dengan cara yang tidak berterusan dan tanpa bimbingan.

Dari sudut ini, sekolah adalah merupakan satu jalan rentas di dalam proses pendidikan dan pembelajaran.

Walaupun demikian, sekolah bukan hanya tempat untuk menyampaikan ilmu pengetahuan semata-mata, tetapi untuk menanamkan nilai yang penting, mengekalkan peraturan masyarakat, menanamkan sikap dan pemikiran yang menjadi sifat masyarakat pada satu-satu masa dan seterusnya menjadi ejen yang memodenkan masyarakat dengan mengubah sikap ke arah yang sesuai dengan perkembangan dan kemajuan.

Di dalam usaha menyampaikan ilmu pengetahuan di sekolah, mata pelajaran yang difikirkan perlu untuk kanak-kanak adalah dihuraikan di dalam sukatan pelajaran bagi tiap-tiap mata pelajaran itu. Bagi matlamat pendidikan yang lain juga, penghuraian ini amat penting dilakukan, dan lapangan penggunaannya patut diterangkan bagi panduan kepada pendidik dan juga guru.

Justeru, adalah jelas di sini bahawa sekolah rendah merupakan sebuah institusi yang sangat penting dan bermakna dalam kehidupan kanak-kanak. Di sini juga mereka diajar dengan pelbagai ilmu pengetahuan, termasuklah ilmu asas bahasa Arab, sama ada dari sudut komunikasi, tatabahasa, penulisan dan kefahamannya. Tanpa adanya institusi pendidikan sekolah rendah ini, penyelidik sangat pasti matlamat kerajaan untuk

mewujudkan murid yang baik dari segi penampilan sakhsiah dan ilmunya tidak akan tercapai.

## **2.5 Matlamat Pendidikan Sekolah Rendah**

Hak manusia yang dirumuskan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), tiap-tiap seseorang itu berhak mendapat pelajaran dan pendidikan sekurang-kurangnya pada peringkat sekolah rendah. Di dalam sistem persekolahan kita, murid-murid yang mengikuti pendidikan rendah bermula ketika umur mereka seawal enam tahun (pra sekolah) dan berakhir pada umur mereka 12 tahun, iaitu dalam darjah enam. Sekolah rendah ini jugalah merupakan institusi pertama mereka dalam mencari ilmu di arena dunia pendidikan.

Kearney (1953) telah mengemukakan matlamat pendidikan bagi sekolah rendah, antaranya ialah seperti berikut ;

- a) Perkembangan bermasyarakat dan keemosian seseorang termasuk kewarasan mental, kestabilan emosi, pertumbuhan sakhsiah, dapat memahami dan membuat penilaian tentang diri sendiri.
- b) Membina tingkah laku yang bersusila iaitu tingkahlaku yang biasa diterima oleh masyarakat; membina nilai dan mengikut aturan akhlak dan undang-undang awam; mengikut adat kebiasaan dan aturan kebudayaan;

perkembangan sifat kebudayaan seperti semangat kesukanan, bertimbang rasa dan bantu-membantu.

- c) Mengetahui alam sekeliling semulajadi sebagaimana yang diperlihatkan oleh sains fizikal dan kaji-hayat yang memerlukan pembelajaran untuk berfikir dengan cara yang saintifik dengan tujuan bukan untuk menjadi ahli sains, tetapi untuk mempunyai kebolehan bagi menyelesaikan masalah di dalam kehidupan sehari-harian.
- d) Menguasai alat perhubungan, termasuk memahami bahasa, penggunaan bahasa dengan cara yang berkesan. Mempunyai kemahiran membaca, menulis, mengarang, mengajar, menggunakan tanda bacaan, cara percakapan dan memahami apa yang didengar.
- e) Membentuk disiplin diri yang kuat termasuk keinginan bekerja dengan bersungguh-sungguh, mempunyai daya utama, semangat persaingan dan keinginan untuk memperbaiki keadaan diri sendiri, dan mempunyai keberanian untuk mencuba sesuatu yang lain daripada biasa.

Jika dilihat daripada matlamat yang dibentangkan di atas, maka ternyatalah bahawa matlamat bagi sekolah rendah adalah lebih luas daripada apa yang biasa diberikan iaitu setakat menghapuskan buta huruf dengan memberikan keutamaan kepada aspek “3M” iaitu membaca, menulis dan mengira sahaja.

Apa yang perlu ditegaskan di sini ialah, pada peringkat ini pembinaan satu asas perkembangan yang kukuh untuk membolehkan seseorang itu bukan sahaja berfungsi sebagai seorang ahli masyarakat yang berkesan, tetapi juga memberikan peluang baginya untuk memperkembangkan matlamat yang dicapai pada peringkat ini.

Matlamat di dalam peringkat ini dilaksanakan melalui mata pelajaran yang disediakan di dalam sukatan pelajaran yang diperuntukkan bagi peringkat ini. Sekiranya pertimbangan dari kehendak perseorangan, masyarakat dan negara diberikan di dalam penyediaan sukatan pelajaran dan mata pelajaran yang diberikan, maka pelajaran dan pendidikan adalah sentiasa berkaitan dengan keadaan dan keperluan hidup.

Di sini, kita dapat melihat peranan yang dimainkan oleh sekolah rendah dalam memberikan pendidikan kepada kanak-kanak, khususnya kepada murid-murid di Malaysia. Kita juga dapat memerhatikan bahawa salah satu peranan sekolah rendah ini adalah untuk memantapkan keupayaan berbahasa kanak-kanak, termasuklah keupayaan untuk berbahasa asing, seperti bahasa Arab. Tanpa peranan dan tanggung jawab yang digalas oleh sekolah rendah ini, penyelidik percaya bahawa seseorang kanak-kanak itu tidak akan dapat mencapai tahap ilmu pengetahuan yang mencukupi untuk dibawa ke peringkat pendidikan seterusnya, iaitu peringkat sekolah menengah.

## 2.6 Perkembangan Penguasaan Bahasa.

Sesungguhnya penguasaan kanak-kanak terhadap sesuatu bahasa itu adalah pelbagai dan tidak sama antara satu sama lain. Mengikut kajian yang dibuat oleh Terman (1952), didapati kanak-kanak yang mempunyai tahap kognitif yang cerdas, dapat menguasai pertuturan lebih awal. Kanak-kanak yang mempunyai DK (Darjah Kecerdasan) 140 mampu bercakap kira-kira 4 bulan lebih awal berbanding kanak-kanak biasa.

Walaupun demikian, ada kanak-kanak di dalam kelompok yang dianggap berkecerdasan tinggi ini, bercakap pada masa umur mereka dua tahun, dua setengah tahun, bahkan ada yang sehingga umur mereka tiga tahun, baru mampu untuk bercakap. Oleh yang demikian, kita tidak dapat merumuskan hal ini secara pukal. Walaupun begitu, terdapat kajian yang mendapati kanak-kanak yang lemah tahap kognitifnya, bercakap lebih lewat daripada kebanyakan kanak-kanak.

McCarthy (1954) telah merumuskan daripada beberapa penyelidikan tentang penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak Amerika yang berkulit putih menunjukkan bahawa kanak-kanak mempunyai sedikit kelebihan di dalam penguasaan bahasa. Menurut beliau lagi, kanak-kanak perempuan didapati lebih dahulu bercakap berbanding dengan kanak-kanak lelaki. Ini mungkin disebabkan oleh kecepatan mereka di dalam aspek lain juga. Perkembangan jasmani yang lebih cepat bagi kanak-kanak perempuan menghasilkan salutan *myeline* yang lebih cepat terhadap urat saraf

pertuturan mereka. Maka dengan sebab itu alat pertuturan mereka lebih cepat dapat digunakan oleh mereka berbanding kanak-kanak lelaki.

Pertuturan kanak-kanak perempuan lebih awal dapat difahami dan mempunyai kecacatan pertuturan yang lebih sedikit jumlahnya. Kanak-kanak perempuan menggunakan ayat terlebih awal daripada kanak-kanak lelaki pada mana-mana tahun, dan mereka dapat menggunakan ayat yang lebih panjang. Perbendaharaan kata kanak-kanak perempuan sentiasa lebih banyak daripada kanak-kanak lelaki. Semasa di sekolah, mereka mampu untuk menulis dengan lebih panjang. Mereka lebih cepat membaca dan kurang mempunyai masalah membaca. Seterusnya kita juga mengakui bahawa kanak-kanak perempuan sebenarnya lebih banyak bercakap daripada kanak-kanak lelaki, dan ini terbawa-bawa sehingga mereka dewasa. Selalunya kanak-kanak perempuan akan mempunyai kelebihan di dalam tugas yang menekankan penggunaan bahasa.

Piaget (1963), berpendapat bahawa walaupun bahasa itu penting sebagai alat pemikiran tetapi dengan bahasa sahaja tidak menjamin pembentukan perkembangan pemikiran seseorang itu. Menurut beliau lagi, perkembangan kecerdasan semestinya berlaku sebagai asas, dan dengan adanya perkembangan kecerdasan tersebut, bahasa akan memudahkan perkembangan seterusnya. Dengan penguasaan bahasa pada peringkat pengolahan konkrit ini, kanak-kanak dapat mengklas-kelaskan benda disekelilingnya dan bahasa digunakan untuk mengasingkan kelas-kelas kecil di dalam

kelas-kelas benda yang lebih besar. Bahasa digunakan bagi memberi nama benda, mengenal dan mengelaskan benda sebagai asas pembentukan konsep.

## **2.7 Motivasi dalam pembelajaran**

Motivasi merupakan kecenderungan daripada diri seseorang yang dapat mempengaruhi tingkah lakunya. Ia adalah penggerak yang melibatkan proses membangkit, mengekal dan mengawal minat (Bernard H.W, 1965). Motivasi menentukan hala dan keberkesanan sesuatu pembelajaran. Dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran, ia dianggap sebagai suatu unsur penting membolehkan pelajar-pelajar melibatkan diri secara aktif, disamping menjadikan proses pembelajaran itu berlaku dalam keadaan yang bermakna, berfaedah dan menyeronokkan. Motivasi yang baik akan mewujudkan satu dorongan yang kuat dan mantap dikalangan pelajar-pelajar untuk terus berminat dengan pengajaran yang disampaikan.

Motivasi mempunyai kaitan dengan pembangkitan minat. Ia merupakan asas kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Seorang guru yang cekap akan sentiasa berhati-hati mencari rangsangan yang dapat menimbulkan perasaan puas dan menarik supaya minat pelajar-pelajar dapat dikekalkan selama yang diperlukan untuk menguasai idea atau isi pelajaran yang disampaikan. Pendekatan, kaedah dan teknik, bantuan alat-alat mengajar adalah antara bahagian yang lengkap dalam prosedur pembelajaran dan kerap kali menjadi bentuk motivasi yang paling berkesan.



Menurut Woolfolk (1990), motivasi merujuk kepada satu kuasa dalaman yang membangkit, mengarah dan mengawal minat serta tingkah laku manusia. Antara ciri-ciri motivasi ialah ;

- a) Ia diwujudkan akibat keperluan fisiologi atau psikologi
- b) Ia bukan diwarisi dan tidak wujud secara semula jadi
- c) Ia merupakan sesuatu insentif untuk mencapai sesuatu matlamat yang ditentukan
- d) Aras motivasi adalah berkadar terus mengikut kadar keinginan. Semakin kuat keinginan mencapai sesuatu matlamat, akan menjadikan semakin tinggi motivasinya.

Mok Soon Sang (2006) berpendapat, sesetengah ahli psikologi mengklasifikasikan motivasi kepada *motivasi fisiologi* (contohnya keperluan asas manusia seperti makanan, minuman, seks dan sebagainya) dan *motivasi sosial* (contohnya berharap mendapat reputasi dan keuntungan). Ada ahli-ahli psikologi membahagikan motivasi kepada dua jenis, iaitu *motivasi asas* (primary motives) yang semulajadi dan *motivasi yang dibentuk daripada pembelajaran* (learned motives). Ada ahli-ahli psikologi lain yang mengaitkan motivasi dengan pengajaran-pembelajaran, menggolongkan motivasi kepada *motivasi intrinsik* dan *motivasi ekstrinsik*.

- a) *Motivasi intrinsik* merujuk kepada rangsangan dalaman yang diwujudkan secara semula jadi. Ia terdiri daripada dorongan dan minat seseorang individu untuk melakukan sesuatu aktiviti tanpa

berharap atau meminta sebarang ganjaran. Bruner (1966), mengaitkan motivasi intrinsik ini dengan naluri ingin tahu dan dorongan mencapai kecekapan dalam murid yang baru masuk sekolah. Bagaimanapun, bukan semua motivasi intrinsik diwujudkan secara semula jadi. Terdapat pula motivasi intrinsik dibentuk daripada pembelajaran dan pengalaman yang membawa kepuasan. Contohnya, tabiat membaca buku cerita dan bermain alat muzik adalah gerakan motivasi intrinsik yang dibentuk daripada pembelajaran dan pengalaman.

- b) Motivasi ekstrinsik pula adalah diwujudkan daripada rangsangan luaran dengan tujuan menggerakkan orang untuk melakukan sesuatu aktiviti yang akan membawa faedah kepadanya. Motivasi ekstrinsik ini boleh dirangsangkan dalam bentuk-bentuk seperti memberi pujian, insentif, hadiah, gred dan membentuk suasana dan iklim persekitaran yang kondusif untuk mendorong murid-murid supaya belajar.

Walaupun demikian, motivasi tanpa disiplin adalah satu perkara yang dilihat tidak seimbang. Bagi penyelidik, dua perkara ini, iaitu motivasi dan disiplin perlu berjalan seiringan bagi melahirkan murid-murid yang baik dari segenap sudut. Tanpa dua perkara penting ini, pertumbuhan keperibadian seseorang kanak-kanak itu sudah pasti tidak akan berlaku dengan baik.

Tajul Ariffin Noordin (1990) mengatakan bahawa, motivasi dan disiplin adalah dua sifat yang perlu ada dalam setiap diri ahli masyarakat yang sedang membangun khususnya. Motivasi dan disiplin bolehlah diibaratkan sebagai irama dan lagu yang tidak mungkin dapat dipisahkan. Motivasi tanpa disiplin hanya akan menghasilkan manusia-manusia buas bernafsu binatang. Manakala disiplin sahaja tanpa motivasi akan melahirkan generasi robot, pasif, kaku, lemah dan sentiasa akan ditindas.

Di sini, penyelidik melihat betapa pentingnya motivasi di dalam diri dan jiwa murid-murid dalam mempelajari sesuatu pembelajaran di sekolah rendah. Tanpa motivasi yang tinggi dalam jiwa mereka, sudah pasti mereka tidak akan dapat mencapai tahap pendidikan yang diperlukan. Dengan ditambah disiplin yang tinggi, penyelidik menaruh keyakinan bahawa segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilalui oleh guru dan murid-murid, khususnya yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab, akan membuahkan hasil yang sangat baik.

## **2.8 Kesiediaan belajar**

Dalam menjalankan aktiviti pembelajaran, seseorang murid haruslah mempunyai kesiediaan yang tinggi untuk perkara itu. Mereka haruslah bersedia dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek untuk menerima pembelajaran supaya tidak berlaku keciciran dalam ‘mencedok’ segala ilmu yang disampaikan oleh guru mereka.

Menurut Kamarudin Hj Husin (1997), pembelajaran adalah proses pemerolehan kebiasaan, pengetahuan dan sikap. Ia melibatkan cara-cara baru untuk melakukan sesuatu kerja dan bertindak sebagai percobaan-percobaan individu mengatasi rintangan untuk menyesuaikan diri dalam satu situasi baru. Pembelajaran diartikan sebagai perubahan-perubahan tingkah laku yang progresif. Ia membolehkan individu-individu tersebut memenuhi minat mereka dan mencapai matlamat tertentu.

Kimble (1961), menyebut bahawa pembelajaran ialah perubahan potensi tingkah laku yang lebih kurang tetap dan ia berlaku akibat daripada latihan yang diteguhkan. Kenyataan ini menggambarkan bahawa pembelajaran menghasilkan perubahan tingkah laku dan setiap kali hasil pembelajaran itu diperlihatkan, ia merupakan tingkah laku yang dapat diperhatikan. Selain itu, perubahan tingkah laku itu bukannya bersifat sementara. Ia harus dikekalkan melalui latihan-latihan yang tertentu.

Secara umumnya, belajar bermaksud penyiasatan untuk kenyataan. Ia melibatkan idea atau aturcara yang belum lagi diketahui oleh seseorang individu. Sebarang penggunaan tenaga yang digunakan untuk pembelajaran bahan baru, penyelesaian kepada sesuatu masalah, dapatan terhadap perhubungan-perhubungan baru, atau gerak kerja yang berfaedah, bolehlah dianggap sebagai belajar. Biasanya, dalam proses sesuatu pembelajaran, seseorang itu mungkin mendapat nilai-nilai lain selain daripada yang utama yang dikehendakinya pada masa itu.

Mengikuti prinsip kesediaan belajar yang diutarakan oleh Thorndike (1932), proses pembelajaran akan menjadi lebih berkesan sekiranya sudah wujud kesediaan murid-murid untuk menerimanya. Pembelajaran itu tidak boleh dipaksa jika belum sampai masanya, dan sekiranya dilakukan juga, ianya tidak akan menghasilkan sesuatu yang baik dan sempurna.

Seorang tokoh pendidikan, Stalling dan Wasden (1973) mengatakan bahawa pembelajaran adalah berdasarkan tiga kriteria penting, iaitu;

- a) Pembelajaran harus menampakkan perubahan dalam tingkah laku
- b) Pembelajaran harus melibatkan sesuatu pemikiran
- c) Pembelajaran harus menghasilkan perubahan melalui pengalaman atau latihan

Menurut seorang lagi tokoh pendidikan, Robert M. Gagne (1970), pembelajaran adalah perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang berlaku disebabkan proses pertumbuhan secara semulajadi. Dr Ragbir Kaur a/p Joginder Singh (2006), berpendapat bahawa gaya sesuatu pembelajaran adalah merujuk kepada cara-cara bagaimana seseorang memproses, menghayati dan mempelajari bahan pembelajaran yang baru dan mencabar.

Jadi jelas kepada kita bahawa pembelajaran merupakan satu cara untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Dengan pembelajaran yang berkesan, murid-murid dapat menimba ilmu dengan semaksimanya. Sesuatu pembelajaran yang baik merupakan suatu pembelajaran yang sistematik. Hanya dengan pembelajaran yang sistematik, sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar, dan mencapai objektif yang dikehendaki.

## **2.9 Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Untuk Bukan Penuturnya**

Dalam membincangkan topik ini, penyelidik ada melakukan kajian perpustakaan untuk melihat bagaimanakah metod atau kaedah yang digunakan oleh orang-orang yang bukan berbangsa Arab, khususnya masyarakat Melayu, untuk mempelajari Bahasa Arab.

Di sini penyelidik membawakan pandangan seorang tokoh pendidik Bahasa Arab, Arif Karkhi Abu Khudairi (1996), secara umumnya masyarakat Melayu, khususnya murid-murid yang mempelajari Bahasa Arab ini adalah disebabkan dua tujuan besar, iaitu;

- a) Tujuan kebahasaan
- b) Tujuan pendidikan agama.

Pada tujuan yang pertama, adalah jelas bahawa seseorang itu mempelajari Bahasa Arab adalah disebabkan kerana ingin mempelajari ilmunya itu sendiri. Umum mengetahui bahawa Bahasa Arab ini luas bidangnya, seperti ilmu *nahu*, *sorof* dan *balaghah*. Luasnya ilmu-ilmu Bahasa Arab ini sehinggakan adanya pengkhususan bidang dalam setiap disiplin ilmu tersebut. Begitu juga dengan kitab-kitabnya, setiap disiplin ilmu tersebut, iaitu *nahu*, *sorof* dan *balaghah*, ada kitab-kitab rujukannya yang tersendiri yang dikarang oleh tokoh-tokohnya yang tersendiri Ibnu Aqil, Ibnu Malik dan lain-lain lagi.

Menurut beliau lagi, kebiasaannya masyarakat Melayu ini mempelajari Bahasa Arab dengan cara tradisi, seperti cara belajar kaedah dan juga penterjemahan. Kemudian barulah cara ini berkembang luas dan diserapkan ke dalam kurikulum sekolah-sekolah, khususnya sekolah-sekolah yang mempunyai aliran agama. Pada awal perkembangan pengajaran Bahasa Arab ini di sekolah, kebiasaannya guru-guru akan meminta murid-murid untuk mengikuti cara guru tersebut. Sebagai contoh, guru akan meminta murid-murid untuk menulis segala nota-nota daripada papan hitam, membaca teks, membuat perbincangan dan menghafaz kaedah-kaedah tertentu.

Bagi memperluaskan lagi skop pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, empat dasar perlu diberikan tumpuan yang sewajarnya, iaitu;

- a) Memfokuskan tahap bahasa standard semasa
- b) Pengajaran bahasa Arab melalui pemikiran Islam

- c) Menitik beratkan tentang kemahiran bertutur Bahasa Arab
- d) Memperbanyakkan latihan bahasa yang perlu seperti latihan menyebut dengan betul dan menggunakan gaya Bahasa Arab di dalam situasi yang berbeza.

Seorang tokoh bahasa Arab, Jasem Ali Jasem (1996), telah mencadangkan beberapa langkah untuk memastikan murid-murid yang bukan berbangsa Arab dan bukan penuturnya, agar dapat mempelajari ilmu Bahasa Arab dengan baik. Cadangan-cadangan beliau ialah ;

- a) Mengadakan set induksi ketika sesi pembelajaran bermula
- b) Mengadakan lakonan dan penerangan, yang mana peserta yang mengambil bahagian adalah terdiri daripada murid-murid sendiri
- c) Menulis ayat-ayat Bahasa Arab di papan hitam
- d) Penerangan kaedah-kaedah Bahasa Arab serta mempraktikkannya.

Penyelidik melihat bahawa di sana terdapat beberapa kajian berkenaan pembelajaran Bahasa Arab untuk yang bukan penutur aslinya, khususnya murid-murid Melayu. Walaupun pada peringkat awal bahasa Arab ini dianggap agak sukar, tetapi dengan bimbingan oleh guru, dan dibantu dengan teknik-teknik yang terkini, penyelidik melihat pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ini semakin menarik dari masa ke semasa.



## 2.10 Kajian berkenaan komunikasi

Dalam pada penyelidikan membina kajian tentang “*Pengajaran dan Pembelajaran Muhawarah di Sekolah Rendah Kebangsaan*” ini, penyelidik ingin membawakan beberapa kajian-kajian dan artikel-artikel yang mempunyai hubung kait dengan topik komunikasi. Hal ini kerana, kaedah *muhawarah* ini merupakan salah satu daripada cabang-cabang kaedah komunikasi yang sedia ada.

Menurut Samsudin A. Rahim (1993), komunikasi merupakan satu perkataan pinjaman daripada Bahasa Inggeris, iaitu *communication*. Manakala kajian yang dibuat mengatakan perkataan *communication* ini pula diambil daripada istilah Latin, iaitu *communcare* yang membawa erti *to make common*.

Manakala Wikipedia memberikan takrifan komunikasi sebagai "satu proses perpindahan maklumat, perasaan, idea, dan fikiran seseorang individu kepada individu atau sekumpulan individu yang lain". Ia merupakan proses interaksi yang bererti antara hidupan dan merangkumi kedua-dua perkara, iaitu;

- perbuatan menghantar maklumat; dan
- proses untuk bertukar-tukar maksud;

Ia adalah supaya aktiviti ini dapat menghasilkan suatu bentuk pemahaman. Komunikasi boleh mengambil pelbagai bentuk, baik secara lisan mahupun tidak, misalnya bahasa gerak-geri, bahasa isyarat, sentuhan, hubungan mata, dan penulisan.

Jika merujuk kepada takrifan yang diberikan oleh Kamus Dewan (1997), komunikasi bermaksud perhubungan secara langsung atau dengan penggunaan surat, telefon, radio dan pelbagai lagi. Aktiviti berkomunikasi bermaksud mengadakan perhubungan bercakap, berbincang, bertukar-tukar pendapat dan sebagainya.

Takrifan yang diberikan oleh Jaafar Muhamad (1998) mengatakan bahawa komunikasi adalah sebagai satu aktiviti yang melibatkan perutusan maklumat daripada individu yang terlibat kepada individu, kumpulan dan sebagainya. Ia juga merupakan satu proses yang mengakibatkan pihak-pihak tersebut memahami antara satu sama lain.

Manakala Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (1999) menjelaskan bahawa komunikasi bukan sahaja merujuk kepada berkata-kata atau bertutur, malah diam itu juga boleh dijadikan sebagai simbol komunikasi. Di dalam kaedah Usul Fiqh, perbuatan diam itu boleh dijadikan kaedah dalam mengeluarkan hukum. Sebagai contoh, Nabi Muhammad SAW hanya berdiam apabila para sahabat ingin mengetahui hukum memakan biawak padang pasir (dhab).

Dari kacamata aspek komunikasi, terdapat kumpulan aktiviti yang memerlukan seseorang itu menggunakan bahasa. Aspek komunikasi bagi setiap individu berbeza dengan individu yang lain. Ini berdasarkan perbezaan persekitaran, situasi kehidupan, ciri individu, kefasihan berbahasa sebagai alat komunikasi, kadar masa komunikasi dan

faktor-faktor perbezaan lain dalam bidang komunikasi bahasa (Ta'imah 1989 dalam Ab. Halim Mohamad, 2009).

## **2.11 Penutup**

Dalam bahagian ini, penyelidik sedaya upaya membuat kajian berkenaan kajian-kajian yang lepas, yang mempunyai hubung kaitnya dengan kajian yang dibuat oleh penyelidik ini. Ini bagi memastikan kajian ini mempunyai landasan yang kukuh dan relevan bagi penyelidikan yang berkaitan Bahasa Arab.

Di sini penyelidik simpulkan bahawa Bahasa Arab ini merupakan suatu bahasa yang sangat universal dan alami. Ia merupakan anugrah Allah SWT kepada umatnya, bukan sahaja kepada bangsa Arab, bahkan kepada seluruh umat, termasuklah umat Melayu di Malaysia ini. Dengan wujudnya Islam di Tanah Melayu, maka ia membawa sekali Bahasa Arab.

Manakala komunikasi pula merujuk kepada suatu perlakuan antara individu dengan individu, atau kumpulan, yang mana aktiviti komunikasi tersebut menghasilkan kefahaman pada pihak-pihak yang terlibat.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab melalui kaedah *muhawarah*, komunikasi merupakan tunjang utama dalam aktiviti ini. Dengan komunikasi, murid-murid dalam menjalankan pembelajaran menggunakan kaedah *muhawarah* ini dengan baik dan efektif.